

# Hari Terbuka Asasi Sains hari ini

AM 29.02.2012 26

KOTA KINABALU 28 Feb.

- Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Hari Terbuka Asasi Sains bertempat di Sekolah Sains dan Teknologi UMS esok.

Pegawai Unit Media dan Publisiti UMS, Salbinous Saribun berkata, program yang bermula dari pukul 9 pagi hingga 3 petang itu bertujuan menyampaikan maklumat mengenai peluang pengajian Asasi Sains yang ditawarkan UMS.

“Orang ramai dijemput menghadiri dan memeriahkan lagi program berkenaan. Selain gerai pameran dan penerangan, kami juga akan mengadakan sesi soal jawab dengan pengunjung,” katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini.